

20 syarikat sertai Karnival Kerjaya UMS

BH 15.05.2012 4

KOTA KINABALU: Kira-kira 20 syarikat swasta bertaraf multinasional dan agensi kerajaan akan mengambil bahagian dalam Karnival Kerjaya Kebangsaan 2012 anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) selama tiga hari mulai Jumaat ini.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HE-PA) UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Mansur, berkata karnival buat kali ketiga itu terbuka kepada semua pelajar tahun akhir dan graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta di seluruh negara.

“Karnival ini secara langsung dapat memberi peluang kepada pelajar tahun akhir dan graduan IPT untuk bersemuka dan berinteraksi dengan syarikat dan agensi luar dalam memberi pendedahan dan latihan kepada mereka,” katanya pada satu sidang media di sini, semalam.

Dr Kasim berkata, pendedahan dan penyampaian maklumat adalah asas penting yang perlu dalam meningkatkan keyakinan diri pelajar dengan tatacara menghadapi temu duga.

Beliau berkata, pihaknya menyasarkan sekurang-kurangnya 8,000 pelawat akan mengunjungi karnival itu.

Dr Kasim turut berharap supaya agensi kerajaan dan swasta yang terbabit dapat menggunakan peluang ini sepenuhnya untuk menemu duga dan memilih calon berkualiti serta memenuhi kemahuan organisasi berkenaan.

Karnival kerjaya yang bermula pada 8 pagi hingga 5 petang di Dewan Kuliah Pusat 2 UMS itu, turut menyediakan ceramah kesedaran, ujian kerjaya dan bengkel kerjaya. — BERNAMA